

06 JAN 2004

TUN DR MAHATHIR DIRAI DALAM MAJLIS MALAM PERPISAHAN

PUTRAJAYA, 6 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali diraikan pada satu majlis makan malam perpisahan yang dihoskan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri kabinet.

Majlis makan malam itu diadakan di kediaman rasmi Abdullah di sini.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, isteri-isteri Menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Samsudin Osman.

-- BERNAMA

NJ BK